UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU
21030 KUALA NERUS, TERENGGANU, MALAYSIA
+609-633 4111
www.umt.edu.my
pejabat.bendahari@umt.edu.my
PEJABAT BENDAHARI
BURSAR OFFICE

Rujukan : UMT/BEND/100-4/8 Jld.7 (7)
Tarikh : 01 Julai 2026
Bersamaan : 21 Muharam 1448H

Semua Ketua Pusat Tanggungjawab
Universiti Malaysia Terengganu

Assalamualaikum & Salam Sejahtera

YBhg. Dato'/Prof./Dr./Tuan/Puan,

PEKELILING BENDAHARI BIL. 7 TAHUN 2026

KAWALAN PERBELANJAAN
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU

1. TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan mengenai kawalan perbelanjaan Universiti Malaysia Terengganu ekoran daripada sekatan peruntukan bagi perbelanjaan mengurus (OE) tahun 2026.

2. LATAR BELAKANG

2.1 Kementerian Kewangan melalui surat MOF.600-9/16/27(4)(S) bertarikh 29 April 2026 telah membuat ketetapan untuk mengenakan sekatan peruntukan bagi perbelanjaan mengurus (OE) kepada Badan Berkanun Persekutuan (BBP)/Syarikat Berhad Menurut Jaminan (CLBG) sebanyak 20%.

2.2 Ketetapan ini telah dibuat disebabkan oleh faktor di bawah:

a) ketidakstabilan geopolitik dan peperangan di rantau Asia Barat, sekatan berterusan laluan utama Selat Hormuz mencetuskan gangguan kritikal kepada rantaian bekalan minyak global, sekali gus mengakibatkan lonjakan mendadak harga minyak mentah dunia; dan

b) peningkatkan kos logistik antarabangsa, kos pengangkutan dan insurans, mencetuskan kenaikan harga tenaga dan memberi impak langsung kepada peningkatan kos sara hidup rakyat, menyebabkan keperluan subsidi yang perlu ditampung oleh Kerajaan dijangka mencecah RM58.4 bilion berbanding peruntukan yang diluluskan iaitu RM15.0 bilion bagi tahun 2026.

2.3 Di dalam surat tersebut juga dinyatakan lapan (8) langkah kawalan perbelanjaan menangani krisis Asia Barat, iaitu:

a) Pembatalan penganjuran rumah terbuka sempena sambutan perayaan

Semua Agensi Kerajaan termasuk Badan Berkanun Persekutuan (BBP), Syarikat Pelaburan Kerajaan (GLC) dan Syarikat Pelaburan Berkaitan Kerajaan (GLIC) tidak menganjurkan rumah terbuka sempena sambutan perayaan.

b) Penangguhan penganjuran acara/ majlis/ keraian rasmi kerajaan/mesyuarat/ persidangan/seminar/bengkel

i) Penganjuran acara/majlis/ keraian rasmi Kerajaan/ mesyuarat/ persidangan/ seminar/ bengkel hendaklah ditangguhkan.

ii) Sekiranya perlu, Pegawai Pengawal hendaklah memastikan skop penganjuran dibuat secara sederhana dengan menggalakkan pelaksanaannya di pejabat, institusi latihan awam (ILA) atau premis/ kemudahan sedia ada milik Kerajaan.

c) Had lawatan atau kunjungan ke luar negara

i) Lawatan atau kunjungan ke luar negara oleh Menteri dan seluruh anggota pentadbiran dihadkan hanya kepada mesyuarat berjadual yang wajib dihadiri.

ii) Pelaksanaan ketetapan ini turut dipanjangkan kepada pegawai-pegawai di Kementerian/ Jabatan/ Agensi dengan seboleh-bolehnya menghadiri mesyuarat berjadual tersebut secara dalam talian.

iii) Sebarang perancangan kursus luar negara yang belum mempunyai komitmen dengan pihak luar atau tidak menimbulkan sebarang isu perundangan dan kerugian kewangan sekiranya dibatalkan, hendaklah ditangguhkan pelaksanaannya.

iv. Sebarang urusan pindah peruntukan bagi menampung urusan bertugas rasmi dan kursus luar negara adalah tidak dibenarkan.

d) Had bertugas rasmi dan kursus dalam negeri

Pegawai Pengawal perlu memastikan perjalanan bertugas rasmi dalam negeri hendaklah dihadkan kepada perjalanan yang benar-benar perlu sahaja dengan bilangan pegawai minima dan kaedah perjalanan menjimatkan selain menggalakkan Kementerian/ Jabatan/ Agensi mengadakan mesyuarat secara dalam talian. Ini termasuklah pelaksanaan kursus dan latihan.

e) Penangguhan pewujudan perjawatan baharu dan pengambilan penjawat awam baharu

i) Pewujudan jawatan baharu ditangguhkan kecuali melalui kaedah tukar ganti *(trade-off)* dan pindah butiran *(redeployment)* serta tiada implikasi kewangan tambahan.

ii) Pengambilan penjawat awam baharu ditangguhkan. Ini termasuklah pelantikan atau pengambilan secara tetap atau kontrak di bawah OS11000, kontrak di bawah OS29000 dan personel MySTEP kecuali bagi urusan penggantian atau pembaharuan kontrak pegawai.

iii) Waiaubagaimanapun, penangguhan pengambilan penjawat awam baharu ini dikecualikan kepada jawatan-jawatan kritikal dalam bidang pendidikan, kesihatan, keselamatan, penguatkuasaan dan kutipan hasil negara dengan kawalan ketat oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan Kementerian Kewangan (MOF).

f) Penangguhan pertukaran pegawai ke luar stesen

Pertukaran pegawai ke luar stesen ditangguhkan kecuali dalam keadaan mendesak atas kepentingan perkhidmatan. Ketetapan ini turut terpakai kepada pegawai yang sedang dan akan bertugas di Pejabat-Pejabat Perwakilan Luar Negeri.

g) Penjimatan tenaga

Pegawai Pengawal dimohon untuk memastikan semua agensi Kerajaan termasuk BBP, GLC dan GLIC melaksanakan langkah-langkah penjimatan tenaga selaras dengan Arahan Pelaksanaan Langkah Kecekapan Tenaga Tanpa Kos *(No-Cost Measures)* Di Premis Kerajaan melalui surat rujukan JPM.KSN.100-2/2/SJld.64(6) bertarikh 9 April 2025 dan Surat Pekeliling Am Bilangan 2 Tahun 2014 Garis Panduan Kaedah Penjimatan Tenaga di Pejabat dan Premis Kerajaan yang mana termasuk:

i) Menetapkan suhu penghawa dingin kepada sekurang-kurangnya 24 °C di semua ruang pejabat dan bilik mesyuarat; dan

ii) Memastikan lampu dan peralatan elektrik dimatikan apabila tidak digunakan, terutamanya semasa waktu rehat tengah hari dan selepas waktu pejabat.

h) Penjimatan perbelanjaan utiliti dan barang pakai habis

Pegawai Pengawal hendaklah memastikan Kementerian/ Jabatan/ Agensi:

i) penjimatan perbelanjaan utiliti seperti telekomunikasi, elektrik dan air; dan

ii) memastikan barang pakai habis seperti peralatan alat tulis, kertas, cartridge dan sebagainya digunakan secara optimum bagi mengelakkan pembaziran.

3. INISIATIF DALAMAN KAWALAN PERBELANJAAN UNIVERSITI

3.1 Sekatan geran mengurus sebanyak RM19.7 juta memberikan impak yang besar kepada perbelanjaan operasi universiti. Bagi menangani krisis ketidakcukupan peruntukan untuk membiayai komitmen universiti, pihak pengurusan universiti melalui Mesyuarat Pengurusan Universiti kali ke-329 bil.8 tahun 2026 yang bersidang pada 23 Jun 2026 telah bersetuju untuk melaksanakan inisiatif berikut sebagai langkah kawalan perbelanjaan:

a) Kawalan Perbelanjaan Perjalanan Ke Luar Negara

i) Terhad kepada perjalanan yang telah diluluskan sahaja atau secara dalam talian (termasuk aktiviti tugas rasmi/lawatan/ mobiliti/ promosi/konferensi);

ii) Pengecualian diberikan bagi perjalanan yang dibiayai oleh:

- geran penyelidikan (tertakluk kepada TOR)
- akaun amanah (sumber peruntukan selain daripada Dana Khas/Strategik)
- tajaan
- persendirian

b) Kawalan Perbelanjaan Perjalanan Dalam Negeri

i) Pelaksanaan pemakaian tiket penerbangan kelas ekonomi sahaja kepada semua pegawai;

ii) Tuntutan perbelanjaan kemudahan KLIA *golden lounge* adalah tidak dibenarkan;

iii) Dihadkan kepada perjalanan yang benar-benar berkeperluan sahaja dengan bilangan pegawai minima dan kaedah perjalanan menjimatkan selain menggalakkan mesyuarat secara dalam talian; dan

iv) Amalan *multitasking* bagi sesuatu program bagi mengelakkan belanja perjalanan yang tinggi disebabkan oleh kehadiran pegawai yang melebihi keperluan.

c) Lain –lain inisiatif berkaitan keraian, bekalan pejabat, bengkel/lawatan dan lain-lain

i) Pembelian bekalan pejabat (selain daripada kontrak panel atau berpusat) melalui panjar wang runcit atau melalui e-dagang;

ii) Penganjuran program universiti termasuk program pelajar dibuat secara sederhana;

iii) Penganjuran bengkel di luar kampus adalah tidak dibenarkan;

iv) Lawatan penanda aras/*benchmarking* adalah tidak dibenarkan;

v) Penggantian aset diberikan hanya kepada penggantian/keperluan yang kritikal sahaja (operasi terhenti sekiranya tiada);

vi) Pengubahsuaian pejabat adalah tidak dibenarkan;

vii) Gimik perasmian/pelancaran terhad kepada gimik tanpa melibatkan sebarang kos;

viii) Tempahan makan minum digalakkan melalui penyedia/katerer kafe dalaman bagi menjamin keselamatan makanan dan harga yang lebih rendah;

ix) Perkhidmatan kenderaan yang dipusatkan di PPH (kenderaan jabatan atau sewaan panel kenderaan) hanya dibenarkan kepada aktiviti P&P berkumpulan sahaja; dan

x) Penyewaan *sound system* atau *lighting* di Dewan Sultan Mizan adalah tidak dibenarkan. Peralatan sedia ada boleh dimanfaatkan sepenuhnya.

4. PEMAKAIAN

Pekeliling/Surat Pekeliling Bendahari berkaitan belanja berhemah yang dikeluarkan sebelum pekeliling ini masih lagi terpakai.

5. PELAKSANAAN

Pekeliling Bendahari ini berkuatkuasa mulai 01 Julai 2026 dan ianya terpakai kepada peruntukan mengurus. Walaubagaimanapun, pemakaian ke atas lain-lain peruntukan amatlah digalakkan.

Sekian, terima kasih.

"KEBERSAMAAN UMT"
"MALAYSIA MADANI"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

TUAN HAJI MOHD RIDUAN BIN MOHAMED RAKHAZALI C.A.(M)
Bendahari
Universiti Malaysia Terengganu

s.k:
1. Naib Canselor
2. Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
3. Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)
4. Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
5. Fail